

05 JUN 1996

SAEAGA AIR SIAP SIAGA UNTUK MEWARNAKAN UDARA ASEAN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Saeaga Airlines telah diberi kebenaran oleh kerajaan untuk memperluaskan laluan perkhidmatannya ke negara-negara Asean.

Ia akan diberi hak mendarat ke destinasi-destinasi di Asean yang tidak diguna sepenuhnya oleh Penerbangan Malaysia (MAS), kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Dalam mesyuaratnya hari ini, Kabinet memutuskan untuk melantik sebuah lagi syarikat penerbangan serantau bagi meningkatkan lagi pelancongan di kalangan negara-negara Asean. Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada Saeaga Air bila merundingkan hak-hak mendarat dengan negara-negara lain," katanya kepada pemberita pada sidang berita pasca mesyuarat Kabinet.

Ditanya jika Saeaga Air akan menjadi pesaing kepada MAS, Dr Ling berkata kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada MAS, selaku syarikat penerbangan kebangsaan, kerana Saeaga akan berkhidmat dalam "laluan serantau yang lebih kecil."

Ekran Bhd memegang kepentingan 20 peratus dalam Saeaga Airlines sementara selebihnya dikongsi secara sama rata oleh kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Ia diperbadankan pada 17 Okt tahun lepas sebagai anak syarikat Ekran Bhd dengan modal berbayar RM150 juta untuk mengadakan perkhidmatan udara di Sabah, Sarawak, Brunei, Filipina dan Indonesia yang membentuk Kawasan Pembangunan Asean Timur (EAGA).

Syarikat penerbangan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November dan telah memulakan perkhidmatan terus ke Pulau Layang-Layang dan Mulu dari Miri dan Kota Kinabalu tahun ini.

Sementara itu, Dr Ling berkata beliau akan berlepas ke Laos pada Jumaat untuk berunding dengan pihak berkuasa negara itu mengenai cara-cara untuk memasukkan Laos dalam cadangan hubungan kereta api rentas Asia membabitkan Singapura, Malaysia, Thailand, Kemboja, Vietnam dan China.

Menteri Luar Laos, Somsavat Lengsavad yang berada di sini kerana menghadiri mesyuarat sulung suruhanjaya bersama Malaysia-Laos semalam berkata bahawa Vientiane ingin dihubungkan dengan laluan kereta api itu dan akan membangkitkannya pada Persidangan Pembangunan Lembangan Mekong di sini lewat bulan ini. -- BERNAMA

YAI SIA